

PEPERANGAN DI DALAM *SULALATUS SALATIN*

Mardiana Nordin
Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Pengenalan

Sulalatus Salatin adalah sebuah karya Melayu yang tidak asing lagi. Populariti naskhah ini bukan sahaja tergambar dalam era masa kini namun sejak berdekad malah berabad yang lalu. Justeru, tidak hairanlah lantaran kemasyhurannya, karya ini telah lahir dalam banyak salinan sehingga lahir pelbagai edisi. Karya ini juga telah pernah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Inggeris, Jerman, Belanda, Jepun, Perancis, Tamil dan China.¹ Selain itu, karya ini juga menjadi tarikan ilmunan untuk menelitinya dari pelbagai cabang ilmu. Dari masa ke semasa, diskusi-diskusi akademik dianjurkan oleh beberapa institusi untuk mengetengahkan segala aspek yang terkandung di dalamnya. Salah satu aspek yang boleh ditonjolkan dalam memahami sejarah, budaya dan pemikiran masyarakat Melayu melalui *Sulalatus Salatin* ini adalah unsur 'peperangan'.

Perang berlaku akibat perlakuan manusia itu sendiri. Menurut *Kamus Dewan*, perang bermaksud perkelahian (pertempuran) dengan menggunakan senjata antara negeri dengan negeri yang lain, perbuatan beradu tenaga, pergaduhan, perjuangan atau bertempur. Perkataan 'memerangkan' pula membawa maksud merebut sesuatu dengan cara berperang ataupun memperlagakan orang supaya berperang.² Menurut *Encyclopedia of Britannica*, peperangan ditakrifkan sebagai 'open or declared armed hostile conflict'. (Pengisytiharan terbuka terhadap sesuatu konflik).³ Manakala menurut

¹ Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 19.

² *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 1178-1179.

³ *The New Encyclopedia of Britannica*, Volume 12, 2002, hlm. 490.

Webster's International Encyclopedia pula, peperangan itu dirujuk sebagai 'organized armed conflict between groups or states'.⁴

Secara mudahnya, peperangan itu boleh dilihat sebagai kegiatan fizikal dan mental manusia yang melibatkan unsur-unsur material, profesion, sains atau seni yang berhubung kait dengan kegiatan atau operasi ketenteraan bagi satu-satu tujuan. Segala unsur-unsur tersebut digerakkan antara dua pihak yang bertelagah atau mungkin juga oleh lebih dari dua pihak, dan pihak-pihak itu saling bermusuhan, maka ialah disebut peperangan, pertempuran bersenjata, kebangkitan/pemberontakan bersenjata, konflik senjata secara terbuka dan sebagainya.⁵

Kesultanan Melayu Melaka telah menjadi satu aset dalam lipatan sejarah dan warisan yang berterusan dari segi zahir mahupun pemikirannya. Kuasa Melayu ini berdiri megah pada suatu ketika dahulu dengan salah satu ciri atau ejen kekuasaannya adalah dengan memenangi beberapa episod perang. Di Melaka juga dengan penelitian terhadap *Sulalatus Salatin*, penglibatan kerajaan ini di dalam perang boleh berlaku atas beberapa faktor. Terdapat beberapa jenis perang yang melibatkan dunia Melayu seperti Kerajaan Melaka atau negeri-negeri Melayu yang lain.⁶ Kategori perang tersebut boleh dilihat sebagaimana berikut.

Peperangan di dalam Negeri (Perang Saudara)

Di dalam lipatan sejarah tanah air, hampir semua negeri Melayu tidak dapat lari dari episod perang saudara ini. Pada era Kesultanan Melaka sendiri, perang seumpama ini terlakar dalam sejarah apabila Raja Kassim menyingkirkan saudaranya

⁴ *The New Webster's International Encyclopedia*, D.S. Max, 1996, hlm. 1156.

⁵ Muhammad Yusoff Hashim, "Peperangan Melayu Dalam Tradisi Pensejarahan Malaysia: Satu Telaah Awal", Aziz Deraman, Ismail Hussein dan Abdul Rahman al-Ahmadi (Penyelenggara), *Tamadun Melayu Jilid Satu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 197.

⁶ *Ibid.*, hlm. 202-203.

Sultan Abu Syahid untuk menduduki takhta Melaka bergelar Sultan Muzaffar Shah. Di dalam *Sulalatus Salatin*, inilah perang yang pertama meletus setelah berdirinya Kesultanan Melaka iaitu perang saudara antara Raja Kassim dengan Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid). Persaingan ini berlaku selepas kemangkatan Sultan Muhammad Syah pada tahun 1444. Dalam episod ini, putera Sultan Muhammad dengan puteri Rokan bernama Raja Ibrahim telah diangkat sebagai pengganti sultan bergelar Sultan Abu Syahid (1444-1446). Biarpun begitu, kuasa pemerintahan Melaka waktu itu dipangku (dipegang) oleh Raja Rokan iaitu sepupu kepada bonda Sultan Abu Syahid. Selain menguasai pemerintahan, Raja Rokan juga bertindak menyingkirkan seorang lagi putera Sultan Muhammad daripada isteri yang lain (anak Bendahara) bernama Raja Kassim, menyebabkan Raja Kassim keluar dari istana dan menjadi nelayan. Keadaan sebegini di istana menimbulkan ketegangan dan rasa tidak senang hati di kalangan pembesar Melaka. Akhirnya melalui pakatan Raja Kasim bersama pembesar-pembesar, Sultan Abu Syahid telah tertikam ketika baginda berada di pangkuan Raja Rokan. Seterusnya, Raja Kasim dilantik sebagai Sultan Melaka bergelar Sultan Muzaffar Syah (1446-1456).⁷

Episod perang dan perebutan takhta oleh Raja Kassim ini sentiasa menimbulkan perdebatan sejarah. Antara isunya, secara tradisi tuntutan Raja Kasim untuk bertakhta masih boleh dilihat wajar walaupun baginda bukan putera dari permaisuri raja. Baginda sendiri merupakan putera yang sulung dan sememangnya berdarah raja. Kegagalan menduduki takhta sebelum itu hanyalah disebabkan diri baginda yang disingkir oleh pengaruh Rokan yang sedang merebak di istana Melaka. Keduanya, Raja Kassim berhak menuntut bela sekaligus mengambil takhta kerana

⁷ A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013, hlm. 84. Lihat juga, Cheah Boon Kheng, Abdul Rahman Haji Ismail, et. al, penyusun, *Sejarah Melayu, The Malay Annals*, hlm. 131-133.

baginda telah diperlakukan dengan tidak seadilnya sebagai seorang putera Sultan. Baginda diusir dari istana dan dibiarkan meneruskan kehidupan sebagai nelayan. Ketiganya, penggulingan Sultan Abu Syahid yang masih kanak-kanak pada ketika itu dilihat perlu memandangkan istana dan 'kuasa sebenar raja' sedang dipegang oleh Raja Rokan sekaligus menidakkan hak dan daulat sebenar raja Melaka. Maka peletusan perang ini boleh dianggap wajar pada situasi dan zamannya. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Sulalatus Salatin*,

Setelah itu maka anakanda baginda, Raja Ibrahim kerajaan menggantikan ayahanda baginda, gelar baginda Sultan Abu Syahid. Tetapi baginda Raja Ibrahim itu budak, tiada ia hiraukan kerajaan; tiada lain pekerjaan baginda melainkan bermain bantak sama-sama dengan budak-budak banyak; itulah dibuat orang nyanyi:

Mana Sultan Abu Syahid,
Budak-budak bermain bantak;
Tuan seorang dipandang baik,
Bagai cincin kena permata.

Maka Raja Rekanlah memangku Sultan Abu Syahid memerintahkan negeri Melaka. Maka negeri Melaka seperti terhukumilah oleh Raja Rekan.⁸

Bersesuaian juga seperti yang dinyatakan oleh pembesar Melaka sebagaimana diperihalkan di dalam *Sulalatus Salatin*, "Apa hal kita ini? Karena sekarang Raja Rekanlah tuan kita, bukannya Duli Yang Di Pertuan."⁹ Justeru, tidak hairanlah, apabila kempen merampas takhta dilancarkan oleh Raja Kassim, maka baginda dengan mudah mendapat sokongan daripada pembesar Melaka seperti Seri Nara Aldiraja dan kemudiannya diikuti oleh Bendahara yang digambarkan merasa, "... selamanya pun hamba hendak mengerjakan Raja Rekan itu."¹⁰ Merujuk kepada kategori ini, hanya

⁸ A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 83-84.

⁹ Ibid.

¹⁰ Sebenarnya telah banyak pendapat sebelum ini yang melihat episod rampasan kuasa/takhta oleh Raja Kassim dengan kerjasama bapa saudaranya Tun Ali (Seri Nara Diraja) itu adalah sebagai pengaruh negatif dalam Kesultanan Melaka. Banyak pendapat melihat kehadiran nenda Raja Kassim (Mani Purindan) ke Melaka adalah kehadiran orang asing sehingga keturunannya dilihat juga sebagai masyarakat asing/luar (Tamil) dalam Kerajaan Melaka walaupun dalam banyak keadaan telah berlaku percampuran nasab melalui perkahwinan. Walau bagaimanapun, perlu disedar bahawa dari nasab bapa, Raja Kassim itu adalah putera seorang Raja Melayu, Sultan Muhammad dan baginda juga putera berdarah raja yang sah.

sekali sahaja perang saudara yang terakam di dalam *Sulalatus Salatin* atau sebenarnya hanya sekali sahaja pernah meletus perang saudara dalam era Kesultanan Melaka.

Namun begitu, negeri-negeri Melayu lain tidak terkecuali, misalnya perang saudara di negeri Perak yang menjadi titik tolak campur tangan British di Tanah Melayu. Di negeri Kedah juga kerap berlaku perang saudara lantaran perebutan takhta misalnya pada abad ke-17, perebutan takhta antara Dato' Padang Seri Jana dengan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1661-1688), pada tahun 1687 pula Tengku Ngah Putera pernah menyerang Kedah yang masih di bawah pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah,¹¹ manakala pada tahun 1720-an, perang antara Sultan Muhammad Jiwa dengan saudaranya Raja Nambang. Pada abad ke-19, negeri Terengganu juga menghadapi dilema isu perang yang sama.¹² Selain itu di Johor, perang merebut takhta turut pernah berlaku antara Tengku Alam dengan Maharaja Abu Bakar pada tahun 1879-1880.¹³ Di Negeri Sembilan pula, perang saudara berlaku lantaran perebutan penguasaan daerah. Perebutan ini berlaku antara Dato' Klana Syed Abdul Rahman dengan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal pada abad ke-19.¹⁴

Peperangan antara negeri atau kerajaan Melayu

¹¹ R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hlm. 20-22; Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 25-26.

¹² Abdullah Zakaria Ghazali, "Perang dan Damai: Politik Melayu Abad ke-19 dengan Rujukan Khas kepada Perang Muar 1879-1880", *Masyarakat Melayu Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 91-92.

¹³ CO 273/416, "Copy of the Treaty of 1855 between Sultan of Johor and Tumonggong and for the Correspondence Respecting Muar Since the Death of the Sultan of Johor"; CO 273/91, Surat W.F. Robinson kepada Carnavon, 31 Oktober 1877, terlampir, "Memorandum"; CO 273/92, "Claims of Tunku Allum to the Moar Succession" dan CO 273/95, "The Muar Succession", 1878.

¹⁴ Abdullah Zakaria Ghazali, "Perang Melayu: Satu Tinjauan Mengenai Isu Utama", Hashim Awang, Zahir Ahmad dan Zainal Abidin Borhan (Editor), *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1998, hlm. 269-275.

Di dalam Kesultanan Melayu Melaka peperangan kategori ini merupakan antara yang banyak berlaku misalnya dalam usaha meluaskan jajahan takluk ataupun mempertahankan kedaulatan kerajaan. Penglibatan Melaka di dalam siri-siri peperangan seperti di Pahang dan Kelantan malahan dengan kerajaan-kerajaan Melayu sebelah timur Sumatera seperti Rokan, Inderagiri, Siak, Bengkalis, Kampar dan lain-lain turut dirakamkan sebahagiannya di dalam *Sulalatus Salatin*.

Selain itu, banyak perang seumpama ini meletus pada abad yang lain, misalnya abad ke-18 bagi episod perang Johor – Siak yang berlangsung berdekad-dekad lamanya. Demikian juga peperangan Kelantan – Terengganu pada tahun-tahun abad ke-18 dan ke-19. Melangkaui ke abad berikutnya, dapat dilihat beberapa siri peperangan dalam kategori ini misalnya peperangan Selangor dengan Perak yang meletus pada tahun 1806. Perang sebegini biasanya meletus lantaran satu-satu kerajaan itu tidak mahu mengakui kekuasaan kerajaan lain atau tidak mahu tunduk pada kuasa yang lebih kuat serta berpengaruh.

Sulalatus Salatin banyak memerihalkan perang-perang yang meletus antara negeri yang berlaku melibatkan kesultanan Melaka. Ketika Melaka diperintah oleh Sultan Mansur Shah, baginda pernah menitahkan Bendahara Paduka Raja untuk menyerang Pahang yang ketika itu masih di bawah taklukan Siam. Pahang waktu itu diperintah oleh Maharaja Dewa Sura iaitu sepupu Raja Siam. Serangan ini bertujuan meluaskan taklukan Melaka dan mereka berjaya. Demikian juga apabila Sultan Mansur menitahkan Seri Udana menyerang Siak, atas tujuan melebarkan jajahan takluk kerajaan, "... tiada ia [Siak] mahu menyembah ke Melaka; sebab itulah maka baginda suruh serang."¹⁵

¹⁵ A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 151.

Berbanding dengan peperangan antara Melaka dengan Mengkasar yang dipimpin oleh Semerluki, perang kali ini Melaka bertindak mempertahankan tanah jajahan takluknya dari dimusnah dan dirampas oleh pihak lawan, seperti yang dinyatakan, “Maka Semerluki pun berlengkaplah; dua ratus banyaknya kelengkapan pelbagai rupa perahu ... Maka lalulah ke laut Ujung Tanah, dirosakkannya segala teluk rantau jajahan Melaka.”¹⁶ Semerluki berjaya ditumpaskan.

Semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah, Melaka digambarkan sebagai sebuah negeri yang masyhur dengan kebesarannya. Namun turut diakui, “Pada zaman itu sebuah negeri pun di bawah angin ini tiada menyamai Melaka, melainkan Pasai dan Haru ...”¹⁷ Dalam pada itu, Melaka juga digambarkan terlibat dalam perang luar dari negerinya apabila menghantar angkatan bantuan dalam Perang Saudara yang berlaku di Pasai. Dalam episod perang ini, Raja Pasai, Sultan Zainal Abidin telah disingkirkan dari takhta oleh adindanya lalu baginda berundur dan mendapatkan perlindungan ke Melaka. Justeru Sultan Mansur Shah menitahkan Bendahara Paduka Raja bersama pembesar Melaka yang lain ke Pasai bagi meletakkan Sultan Zainal Abidin ke atas takhtanya semula. *Sulalatus Salatin* menggambarkan perang ini melibatkan jumlah tentera yang besar apabila dinyatakan seramai dua laksa tentera Melaka yang datang ke Pasai manakala rakyat Pasai yang mempertahankan serangan ini berjumlah dua belas laksa ramainya. Biarpun begitu, Bendahara Paduka Raja bersama angkatan perangnya, berjaya dalam misi mereka.¹⁸ Melaka juga pernah menghadapi serangan dari negeri Melayu yang digambarkan setanding dengan kebesaran mereka, Haru. “Dari Tanjung Tuan datang ke Jugra, tiada putus rumah orang; itulah yang dirosakkan orang Haru itu”. Sememangnya juga digambarkan

¹⁶ Ibid., hlm. 155.

¹⁷ Ibid., hlm. 154.

¹⁸ Ibid., hlm. 165-170.

bahawa angkatan Haru jauh lebih besar dari kelengkapan yang mempertahankan Melaka. Namun dengan kesungguhan dan keberanian hulubalang Melaka, serangan Haru berjaya dipatahkan.

Apabila Sultan Alauddin Riayat Shah pula menaiki takhta Melaka, baginda turut berinisiatif memperluaskan jajahan takluk Melaka. Baginda yang menitahkan supaya menyerang Kampar dan mereka berjaya. Begitu juga disebut pada era pemerintahan Sultan Mahmud, Melaka dengan tujuan yang sama menyerang pula Kelantan dan berjaya menaklukinya.¹⁹

Peperangan Antarabangsa

Peperangan antarabangsa melibatkan konflik antara negeri-negeri atau kerajaan-kerajaan Melayu dengan kuasa asing (bukan Melayu). Merujuk kepada sejarah Kerajaan Melaka, perang Melaka dengan Siam adalah contoh yang paling jelas. Selain itu, *Sulalatus Salatin* turut merakamkan perang antara Pahang dengan Siam (Ligor) pada abad ke-15. Selain Siam, peperangan Melaka berhadapan Portugis turut termasuk di dalam kategori ini. Selain daripada yang meletus pada era Kesultanan Melaka, pada abad yang berikutnya pula, perang Johor/Selangor (Bugis) dengan Belanda pada tahun-tahun 1780-an boleh dijadikan contoh²⁰ demikian juga perang antara Kedah dengan Siam pada tahun-tahun 1820-an.

¹⁹ Jika dirujuk kepada catatan Tome Pires, beliau menggariskan liputan wilayah Kerajaan Melaka tersebut. Di sebelah utara kota Melaka, kerajaan Melaka meliputi dari Kuala Penagi hingga ke Kedah. Kawasan ini meliputi wilayah-wilayah seperti Sungai Ujung, Klang, Selangor (kawasan-kawasan pengeluar timah), Bernam, Manjung, Beruas dan Perak. Manakala di sebelah Semenanjung meliputi seluruh Pahang. Wilayah-wilayah lain yang dicatatkan diseluruh kepulauan Melayu ini seperti, Singapura, Rokan, Rupa (Aru), Siak, Kampar, Inderagiri, Tungkal, Lingga dan Bentan. Lihat, Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tome Pires*, Volume 2, London: Haklyut Society, 1944, hlm. 260-264.

²⁰ Lee Kam Hing dan Muhammad Yusoff Hashim, "Peperangan Selangor – Belanda: Sebab dan Akibat dalam Sejarah Selangor", Adnan Haji Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (Editor), *Selangor Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Muzium Sultan Alam Shah Selangor, 1989, hlm. 56-83; Mardiana Nordin, *Politik Kerajaan Johor 1718-1862*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2008, hlm. 96-104.

Sulalatus Salatin merakamkan siri peperangan antara Melaka dengan Siam yang berlaku pada ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Pertamanya, Siam merancang untuk menyerang Melaka kerana kerajaan ini enggan menyembah ke Siam. Angkatan Siam dipimpin oleh panglimanya bernama Awi Cakri namun mereka gagal seperti yang dicatatkan, "Hatta maka orang Siam pun datanglah, lalu berperang dengan orang Melaka terlalu ramai. Ada berapa lamanya berperang, maka rakyat Siam pun banyak mati, hal Melaka pun tiada alah; maka Siam pun kembalilah."²¹ Manakala kali keduanya, juga angkatan Siam datang menyerang Melaka tidak lama kemudian atas motif yang sama untuk menguasai Melaka. Pasukan kali ini dipimpin oleh panglimanya Awi Dicu. Namun mereka juga tewas. Tidak berputus asa, Siam merencanakan serangan kali ketiga yang bakal dipimpin oleh Cau Pandan, putera Raja Siam sendiri, Raja Bubunnya. Namun begitu, serangan ini terbatal apabila Cau Pandan mati secara magis ketika masih di Siam, dipanah oleh Sayyid dari Melaka. Selepas dari episod inilah, maka Sultan Mansur Shah memikirkan usaha perdamaian atau persahabatan dengan Siam. Selain itu, semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah, baginda juga pernah menghantar pasukan tentera bantuan ke Pahang untuk menolong negeri (taklukan Melaka) ini menghadapi serangan Ligor.

Peperangan dalam kategori ini yang terbesar dan terakhir berlaku ketika Melaka diperintah oleh Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad adalah perang Melaka – Portugis yang diperihalkan di dalam *Sulalatus Salatin*, meletus sebanyak dua kali. Kali pertama, angkatan Portugis disebut membawa bersama kapal tujuh buah, ghali panjang sepuluh buah dan fusta tiga belas buah. Dinyatakan juga, "... segala anak Portugal pun naiklah dengan senapangnya, dua ribu banyaknya, lain pula orang hitam dan

²¹ A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 91.

lasykarnya, tiada terbilang lagi.”²² Namun, Portugis tewas dalam serangan ini. Portugis dalam serangan kali kedua digambarkan dengan kelengkapan yang lebih besar seperti yang dinyatakan di dalam *Sulalatus Salatin*, bersama tujuh buah kapal, lapan buah ghalias, sembilan buah ghali, lima belas buah pencalang dan enam belas buah fusta akhirnya berjaya memecahkan benteng pertahanan tentera Melaka memaksa Sultan Mahmud dan Sultan Ahmad berundur ke selatan, menamatkan riwayat kegemilangan kerajaan Melaka di kota Melaka itu.

Peperangan Bercorak Penentangan/Kebangkitan (*War of Resistance*)

Peperangan ini sebenarnya sudah memperlihatkan percampuran isu, konsep dan unsur-unsur kebendaan antara timur dan barat akibat pertembungan budaya. Faktor utama meletusnya perang ini mula bersangkutan dengan konsep-konsep moden seperti nasionalisme, patriotisme atau semangat kebangsaan. Kebangkitan seumpama ini banyak dilakarkan dalam catatan-catatan sejarah seperti kebangkitan Dol Said di Nanning, Tok Janggut di Kelantan, Abdul Rahman Limbung di Terengganu, Dato' Bahaman dan beberapa pemimpin lain di Pahang, Rentap di Sarawak, Mat Salleh di Sabah, Dato' Maharajalela Lela di Perak dan lain-lainnya.²³ Biarpun begitu, kategori ini tidak dikaitkan dengan Kerajaan Melaka ataupun rakaman *Sulalatus Salatin*.²⁴

²² Ibid., hlm. 245. Manakala di dalam edisi Raffles 18 menyatakan, "... istinggar dua ribu banyaknya, lain segala khalasi dan lasykarnya tiada terbilang lagi." Lihat, Cheah Boon Kheng, Abdul Rahman Ismail, penyusun, *Sejarah Melayu, The Malay Annals*, hlm. 255.

²³ Pengkategorian yang diberikan oleh Muhammad Yusoff Hashim di atas memang dapat membantu penyelidik memahami dan mengagihkan kajian perang Melayu mengikut kepentingan-kepentingan dan ciri-ciri tertentu. Namun begitu, pengkategorian sebegini sebenarnya mewujudkan pertindihan makna perang-perang tertentu dalam kategori yang berbeza. Kategori satu dan empat misalnya, memang melibatkan dua kuasa yang berbeza tetapi boleh membawa maksud motif atau isu perang yang sama. Peperangan dengan Belanda misalnya boleh juga membawa erti kebangkitan. Demikian juga kategori dua dan tiga kerana konsep 'negeri' yang belum jelas dan persempadanan yang tidak ketara pada masa itu. Oleh itu adakalanya dua negeri berbeza yang dilihat pada hari ini, boleh bermaksud negeri yang sama pada satu ketika dahulu.

²⁴ Selain daripada kategori di atas, suatu pengkategorian perang Melayu yang lebih menyeluruh pernah cuba dihuraikan oleh Abdullah Zakaria Ghazali di dalam tulisannya. Menurut beliau, perang Melayu itu

Sekiranya merujuk kepada kategori-kategori di atas, oleh itu di Melaka secara dasarnya pernah melalui perang saudara, pernah juga melancarkan perang sesama negeri Melayu (sama ada untuk tujuan penaklukan atau pertahanan), malahan turut menghadapi serangan kuasa asing seperti Siam dan Portugis. Bermaksud, untuk memahami perang yang berlaku pada era Kesultanan Melaka maka perlu melibatkan penelitian perang yang bersifat dalaman mahupun luaran, juga yang bersifat antarabangsa mahupun tempatan. Episod-episod perang ini seperti yang dibincangkan secara asasnya tercatat di dalam *Sulalatus Salatin*. Namun begitu, catatan *Sulalatus Salatin* bukan sahaja bermakna dari segi 'berlakunya' episod tersebut tetapi lebih penting dari segi 'sudut kepengarangan' penulisnya dalam menggarap sesuatu episod perang itu.

Sudut Kepengarangan *Sulalatus Salatin* dalam Kisah Peperangan

Pengarang *Sulalatus Salatin* mengadaptasi episod perang yang meletus pada era Kesultanan Melaka untuk meninggikan kedudukan ataupun kedaulatan seseorang rajanya dan kerajaannya. Pengarang karya ini secara jelas bijak mengolah setiap kisah perang yang dirawikan tidak sehingga menjatuhkan maruah kerajaan Melaka malah berupaya mengangkat darjat kerajaan itu mengatasi pihak lawannya. Karya ini misalnya mencatatkan beberapa kali episod perang yang melibatkan Siam dengan Melaka, dan dalam beberapa kali itulah kedudukan raja dan kerajaan Melaka berjaya dipertingkatkan. Naskhah ini mencatatkan, pertama kali Siam merancang untuk

terbahagi kepada dua iaitu Perang Dalaman dan Perang Luaran. Perang Luaran tersebut boleh dibahagikan kepada dua iaitu i) Perang di antara kuasa tempatan dengan kuasa asing, ii) Perang di antara negeri dengan negeri di Tanah Melayu. Manakala Perang Dalaman pula boleh dibahagikan kepada tiga iaitu, i) Perang Perebutan Teraju Pemerintahan, ii) Perang Menuntut Bela, iii) Perang Menuntut Kawasan Lihat Abdullah Zakaria Ghazali, "Perang Melayu: Satu Tinjauan Mengenai Isu Utama", hlm. 259; Abdullah Zakaria Ghazali, "Perang Dan Damai: Politik Melayu Abad ke-19 dengan Rujukan Khas kepada Perang Muar 1879-1880", hlm. 87-88.

menyerang Melaka apabila Melaka enggan menerima arahan Maharaja Siam, Raja Bubunya supaya menghantar sembah ke Siam. “Hatta maka orang Siam pun datanglah, lalu berperang dengan orang Melaka terlalu ramai. Ada berapa lamanya berperang, maka rakyat Siam pun banyak mati, hal Melaka pun tiada alah; maka Siam pun kembalilah.”²⁵ Situasi ini lebih ketara dalam peperangan Melaka – Siam yang kedua seperti lakaran *Sulalatus Salatin*. Siam menyerang dengan motif yang sama untuk menguasai berjaya ditumpaskan dengan kebijaksanaan dan keberanian tentera Melaka berbanding tentera lawan. Keberanian Tun Omar anak Seri Bija Diraja dipaparkan melalui episod berikut,

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Omar namanya, terlalu berani; kelakuannya gila-gila bahasa. Maka Tun Omar disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja Sulu. Maka Tun Omar pun pergilah dengan seorang dirinya; perahunya oleng-oleng. Setelah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu terus perahunya ke sebelah. Maka ia berbalik pula, dilanggarnya yang lain pula, dua tiga buah alah perahu Siam itu; maka Tun Omar pun kembalilah. Maka orang Siam pun terlalu hairan melihat kelakuan Tun Omar itu.²⁶

Begitu juga melalui kebijaksanaan pasukan Melaka berbanding lawan. Contohnya ketika berperang dengan Siam, kebijaksanaan Bendahara Paduka Raja yang memimpin perang digambarkan pada sebelah malam, hari yang sama apabila semua, “pohon bakau, dan pohon nyirih, dan pohon tumu, dan pohon api-api, dan segala pohon kayu itu sekaliannya” diikat dengan puntung api sehinggakan tentera Siam terpedaya melihat begitu banyaknya api menyangkakan begitu ramainya tentera Melaka yang berada di pantai. Awi Dicu panglima perang Siam digambarkan berkata,

Terlalu amat banyak Melayu itu, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang, apa jadinya kita? Sedang akan sebuah perahunya tadi lagi, tiada terlawan oleh kita ... Marilah kita kembali.²⁷

²⁵ A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 91.

²⁶ Ibid., hlm. 94.

²⁷ Ibid., hlm. 94-95.

Malahan unsur magis dan kesaktian turut dimuatkan sehingga tentera Siam gagal untuk terus melancarkan ekspedisi serangan apabila ketua tentera Siam, Cau Pandan yang juga merupakan putera Raja Bubunnya mati akibat kesaktian panahan Sayyid dari Melaka.²⁸

Selain itu, suatu yang istimewa, bukan sekadar episod perang itu digarap bagi memperlihatkan ketinggian status raja dan kedaulatan kerajaannya, tetapi juga cara raja itu menghalau tuju langkah penyelesaian bagi perang. *Sulalatus Salatin* memperlihatkan, atas inisiatif Sultan Mansur lah maka utusan perdamaian ke Siam dihantar. Dalam episod perdamaian ini, beberapa unsur kebijakan dipamerkan. Pertamanya, bijaknya seorang raja yang memikirkan perlunya berdamai antara dua negeri supaya dapat mengelak lebih banyak kemusnahan dan korban jiwa. Namun pada masa yang sama baginda juga bijak memikirkan bahawa utusan itu jangan sampai merendahkan status baginda dan kerajaannya. Sultan Mansur Shah digambarkan berkata,

Baiklah kita menyuruh ke benua Siam; apa sudahnya kita beralangan selama ini, kita berkelahi dengan dia pun tiada, dan berdamai pun tiada; orang Siam tiada datang ke Melaka, dan orang Melaka pun tiada pergi ke Siam ... Hendaklah tuan hamba (bendahara) karang surat kita ke benua Siam. Kehendak kita, surat itu sembah jangan, salam pun jangan, kasih sayang pun jangan.²⁹

Keduanya, digambarkan betapa bijaknya pembesar terkanan kerajaan, Bendahara Paduka Raja (Tun Perak) mengarang warkah utusan kepada Raja Siam supaya tidak sehingga merendahkan rajanya dan ketiga, digambarkan betapa bijak pula tindak-tanduk utusan (Tun Telanai dan Menteri Jana Putera) yang dihantar ke Siam itu ketika mereka berada di sana.³⁰ Misalnya,

²⁸ Ibid., hlm. 96.

²⁹ Ibid., hlm. 108.

³⁰ Ibid., hlm. 109-111.

Maka titah Raja Siam, “Apa sebabnya maka Melaka diserang orang Siam, tiada alah?” Maka Tun Telanai menyuruh memanggil seorang Suir tuha, lagi huntut kedua kakinya, maka disuruh Tun bermain lembing di hadapan Raja Siam. Maka oleh orang Suir itu dilambung-lambunginya lembing itu, maka ditahkannya belakangnya, maka lembing itu pun jatuh lalu mengambil di atas belakangnya, sedikit pun tiada luka. Maka sembah Tun Telanai, “Inilah sebabnya, tuanku, Melaka tiada alah diserang oleh Siam, karena orang Melaka semuanya gila-gilalah”. Maka sahut Raja Siam, “Sungguh juga, sedang orang yang jahat lagi kebal, istimewa pula orang yang baik-baik berapa lagi.”³¹

Malah kemudian kejayaan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dalam membantu ketumbukan Siam berperang turut mengagumkan Raja Siam sehingga Tun Telanai dianugerahkan isteri dan hamba. Tegasnya, segala kebijaksanaan dari setiap sudut itu melengkapikan sekaligus mempamerkan ketinggian daulat raja Melaka, sehingga Siam tiada alasan lagi untuk menolak perdamaian tersebut.

Bukan sahaja dalam menghadapi konflik dan siri peperangan dengan Siam, dalam menghadapi kuasa-kuasa Melayu yang lain, adalah jelas perang itu dimanfaatkan untuk mempertahankan dan tidak mempersoalkan daulat raja Melaka. *Sulalatus Salatin* sekali lagi melakarkan, bagaimana Sultan Mansur Shah menitahkan supaya perang dilancarkan ke atas Siak kerana kerajaan itu ‘tiada sembah’ kepada Melaka. Ini bermaksud, menjadi hak raja itu mengembangkan atau mempertahankan daulat dan pengaruhnya mengatasi kerajaan/negeri Melayu yang lain. Demikian juga yang dapat difahami bagi kes perang yang melibatkan Kampar, Pahang dan Kelantan tadi.

Selain daripada peranan perang dalam meninggikan kedudukan dan daulat raja, perang juga boleh dimanfaatkan untuk menonjolkan ketaatan para pembesar, kesetiaan, malahan kemahiran mereka dalam seni peperangan. Secara jelasnya, para pembesar boleh dikurniakan pelbagai anugerah seperti pangkat, daerah/tanah dan

³¹ Ibid., hlm. 109.

juga 'persalinan' atas jasa mereka dalam peperangan. Contohnya Tun Perak yang asalnya hanya Penghulu Klang dianugerahkan pangkat, dari Bentara menjadi menteri sehingga akhirnya bergelar Bendahara Paduka Raja lantaran berjasa dalam perang demi perang. Tun Pikrama dianugerahkan pangkat 'Paduka Tuan' selepas berjasa dalam membantu peperangan di Pasai. Malahan beliau turut dianugerahkan wilayah Buru. Manakala Hang Hamzah dianugerahkan gelaran 'Tun Perpatih Qasim' atas jasanya dalam perang yang sama.

Boleh dikatakan, setiap pemimpin perang yang terlibat dalam mana-mana siri peperangan akan dianugerahkan persalinan setiap kali pulang dengan kejayaan. Bendahara Paduka Raja misalnya dianugerahkan persalinan 'pakaian yang mulia-mulia' setelah berjaya dalam peperangan dengan Siam dan Pahang. Begitu juga Seri Bija Diraja sekembali dari berperang dengan Siam dan Pahang (beliau turut dianugerahkan payung, gendang, serunai dan nafiri kerana menangkap Maharaja Sura), juga menewaskan Semerluki; Laksamana juga selepas berjaya menewaskan Semerluki; begitu juga Tun Pikrama dan Hang Hamzah setelah membantu peperangan di Pasai. Bendahara Seri Maharaja yang membantu Pahang ketika diserang Ligor, turut dianugerah sepersalinan dari Sultan Pahang atas sumbangannya.

Penyertaan pembesar paling kanan dalam satu-satu siri peperangan juga adalah penting dan amat berpengaruh. Misalnya, pasukan Raja Kasim dalam usaha menjatuhkan Raja Rokan misalnya mendapat sokongan daripada pembesar-pembesar yang lain apabila mereka melihat Bendahara turut serta di sebelah pihak baginda. Menurut *Sulalatus Salatin*,

Segala Orang Besar-besar dan hulubalang sekalian pun datang mengusir Bendahara, sekalian mereka itu bertanya, "Mana Bendahara?" Sahut orang itu, "Bendahara pergi bersama-sama dengan Raja Kasim". Maka pada hati segala Orang Besar-besar itu, Bendaharalah yang empunya pekerjaan ini.

Maka sekalian mereka itu pun mendapatkan Bendahara dan bersertalah dengan Raja Kasim. Maka dalam pun alahlah.³²

Selain itu, *Sulalatus Salatin* turut mempamerkan bagaimana sikap pembesar-pembesar Melaka yang lain, yang sememangnya bersedia untuk berkhidmat dalam perang demi rajanya. Misalnya ketika menentang Pahang dan dalam usaha menawan Maharaja Dewa Sura, Bendahara Paduka Raja telah mengarahkan Tun Pikrama, Tun Wijaya Maha Menteri, Seri Bija Diraja, Seri Bija Pikrama, Tun Sura Diraja, Tun Amar Diraja, Tun Bija Diraja, Seri Bija Pikrama, Tun Bija Setia, Sang Bija Rana, Tun Rakna, Seri Setia, Sang Naya, Sang Guna, Sang Jaya Pikrama, Sang Aria, Sang Rakna Sura, Sang Sura Pahlawan dan Tun Bija Pikrama, "...pergi mengiringkan Bendahara Paduka Raja".³³ Dalam ketumbukan perang bantuan ke Pasai, lebih ramai pembesar yang digambarkan turut serta selain Bendahara Paduka Raja, Seri Bija Diraja dan Laksamana, seperti Tun Pikrama, Tun Telanai, Seri Akar Diraja, Tun Bijaya Maha Menteri, Tun Bija Diraja, Sang Naya, Sang Setia, Sang Guna, Tun Bija Sura, Sang Jaya Pikrama, Sang Aria Diraja, Sang Rakna, Sang Sura Pahlawan, Sang Setia Pahlawan, Raja Indera Pahlawan, Seri Raja Pahlawan, Raja Pahlawan dan Raja Dewa Pahlawan.³⁴ Situasi yang sama jugalah dapat dilihat dalam perang-perang yang lain.

Diperlihatkan juga para pembesar dan hulubalang yang tidak gentar dengan kematian dalam perang. Dalam peperangan di Pasai misalnya, biarpun ketinggalan dari segi jumlah anggota tentera, namun pemimpin-pemimpin perang Melaka digambarkan sangat berani dan begitu bersemangat misalnya pemimpin pemanah (Tun Pikrama, Hang Ishak dan Naina Sahak) terus bertahan walaupun pasukan pemanah mereka ramai yang terkorban. Ketika berperang dengan Haru pula, Seri Bija Diraja dan Tun Isap diceritakan mengamuk dan merempuh askar Haru sehingga

³² Ibid., hlm. 86.

³³ Ibid., hlm. 77.

³⁴ Ibid., hlm. 166.

mereka berterjunan ke air malah lari berundur ke perahu masing-masing. Diikuti oleh Seri Bija Diraja dan Tun Isap tadi ke perahu dan dibunuhnya mereka. Selain itu, menurut *Sulalatus Salatin*, kira-kira dua puluh hulubalang Melaka dicatatkan terkorban ketika menentang Portugis, belum mengambil kira tentera yang lain. Bendahara Melaka yang telah uzur ketika itu juga digambarkan bersungguh-sungguh untuk turut serta dalam pertarungan sehingga terpaksa dihalang oleh pengikutnya.

Adapun akan bendahara ditandu orang dibawa lari, Si Lamat Gagah nama orang yang menandu itu. Maka Peringgi pun datanglah berturut-turut; maka kata Bendahara pada Si Lamat Gagah, "Baliklah! Baliklah! Langgarkan aku pada Peringgi!" Maka tiada diberi oleh segala anak cucunya. Maka kata Bendahara, "Ceh! Cabarnya segala orang muda-muda ini, apa daya aku telah tepok, kalau aku lagi kuasa, mati aku dengan negeri Melaka ini!"³⁵

Tegasnya, sepanjang siri-siri peperangan di Melaka yang dicatatkan di dalam *Sulalatus Salatin*, para pembesar mempamerkan kesungguhan, kehairahan, keberanian dan kebijaksanaan. Dorongan dari sikap mereka inilah yang menaikkan semangat para tentera yang lain sehingga berjaya dalam kempen-kempen perang yang dilancarkan.

Catatan tentang Unsur-unsur Kelengkapan Perang

Jika dilihat, negeri Melaka pusat adalah sebuah wilayah yang kecil dan penduduk asalnya tidaklah begitu ramai. Namun, kejayaan Melaka dalam siri-siri peperangan sebenarnya amat didokong oleh tenaga manusia atau tentera yang besar. *Sulalatus Salatin* membuktikan bahawa, kawasan-kawasan taklukan membekalkan tentera atau tenaga manusia dalam peperangan mereka. Misalnya, ketika menghadapi ancaman Siam, "Maka setelah baginda mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat di teluk rantu, mudik ke Melaka. Maka

³⁵ Ibid., hlm. 270.

berkampunlah sekaliannya ke Melaka; maka Tun Perak pun mudik ke Melaka membawa orang Kelang dengan segala anak bininya sekali..."³⁶ Seri Udana yang memimpin angkatan ke Siak, turut membawa bersama tenaga manusia dari Merbau kerana Merbau adalah wilayah pegangannya. Laksamana pula pernah membawa bersama tenaga manusia dari Sungai Raya semasa membantu Pahang yang diserang Ligor kerana Sungai Raya itu pegangan Laksamana.

Tome Pires mengesahkan bahawa peranan tanah-tanah jajahan dan taklukan Melaka membekalkan tenaga manusia dalam peperangan. Antara wilayah yang menjalankan peranan tersebut adalah Lingga, Rokan, Rumat dan Purim.³⁷ *Sulalatus Salatin* membuktikan sememangnya Melaka mempunyai wilayah taklukan yang besar. Melalui perang misalnya, Melaka berjaya menawan Pahang, Kampar dan Kelantan. Selain itu, contoh atau bukti lain, misalnya ketika rombongan Melaka berada di Majapahit semasa perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana, Tun Bijaya Sura berjaya meminta Inderagiri³⁸ manakala Laksamana meminta Siantan dari Batara Majapahit. Bendahara, pegangannya adalah Bentan. Kedah pula pernah meminta nobat daripada Sultan Mahmud Melaka manakala Patani pula pernah menghantar surat sembah kepada Sultan Melaka. Menurut Pires lagi, semakin besar penguasaan kerajaan Melaka dan empayarnya, maka semakin besarnya jumlah bilangan tentera yang boleh dihasilkan oleh kerajaan ini. Malahan, tentera ini juga lah nanti yang berperanan meluaskan lagi empayar Melaka masa demi masa. Perkembangan kerajaan Melaka (dari segi politik dan ekonomi) kemudiannya membolehkan pula kerajaan ini mengambil askar-askar upahan. Malahan askar upahan kemudiannya menjadi tenaga manusia yang penting dalam peperangan di

³⁶ Ibid., hlm. 89.

³⁷ Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tome Pires*, Volume 2, hlm. 149.

³⁸ Orang Inderagiri inilah yang dibawa oleh Laksamana, Tun Hamzah dan Hang Mamat untuk menebas hutan dalam perjalanan mereka meminang Puteri Gunung Ledang.

Melaka. Catatan Portugis menyebut tentang besarnya jumlah tentera upahan di Melaka semasa mereka melancarkan serangan pada tahun 1511 itu.³⁹ Dianggarkan, daripada sejumlah 20 ribu tentera yang mempertahankan Melaka dari serangan itu, separuh darinya adalah merupakan tentera upahan.⁴⁰ Askar upahan Jawa merupakan jumlah yang terbesar selain daripada askar Gujerat, Turki dan Parsi.⁴¹ Walau bagaimanapun, catatan Portugis juga membuktikan bahawa usaha untuk mengekalkan khidmat askar upahan ini bukanlah satu perkara yang mudah. Misalnya untuk memastikan askar-askar upahan Jawa terus berjuang mempertahankan kota Melaka, Sultan terpaksa membayar mereka pendahuluan (*advance*) tiga bulan upahan.⁴²

Dalam pada itu, biarpun mempunyai jumlah tenaga manusia yang besar dalam menyediakan ketumbukan perang, barisan tentera di Melaka yang terdiri daripada tentera tempatan, upahan mahupun hamba sebenarnya tidaklah mempunyai kemahiran dan pengalaman perang yang sama dengan tentera Portugis. Dicatatkan, tentera-tentera Melaka mengalami kejutan dengan situasi dan corak serangan tentera Portugis yang tidak sama dengan pengalaman perang mereka menghadapi negeri-negeri Melayu atau serantau sebelum ini.

Kebergantungan Melaka kepada tentera upahan tadi juga merupakan satu kelemahan. Seperti yang dijangka, komitmen tentera upahan ini untuk mempertahankan sesuatu yang 'bukan' tanah air mereka adalah rendah. Kesungguhan mereka hanya bergantung kepada bayaran dan kesedaran peribadi untuk memelihara kepentingan

³⁹ Alfonso Dalboquerque, *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque*, Walter D. Gray Birch Penterjemah, New York: Burt Franklin, 1884, hlm. 93.

⁴⁰ Fernao Lopes De Castanheda, "History of the Exploration and Conquest of the Indies by the Portuguese", M.J. Pintado, Penterjemah, *Portuguese Documents on Malacca*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1993, hlm. 317.

⁴¹ *Ibid.*, hlm. 317.

⁴² Alfonso Dalboquerque, *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque*, hlm. 109.

ekonomi individu. Justeru, tidak hairanlah pemimpin tentera upahan Jawa, Utimutiraja kemudiannya selepas perang, bekerja sama pula dengan Portugis dan tidak lagi membantu raja Melaka mengusir pendudukan kuasa barat itu.

Dalam pada itu, walau pun Melaka turut didokong oleh ketaatan tentera dari tanah-tanah taklukan, ketidaksiapsediaan mereka turut menjadi satu kelemahan. Dicatatkan, walaupun tentera Lingga dipanggil untuk membantu dalam peperangan dengan Portugis, namun mereka tidak sempat tiba untuk membantu.⁴³ Ada kemungkinan juga, tentera-tentera dari tanah jajahan dan taklukan ini gentar untuk datang menghantar bantuan ekoran berita yang tersebar tentang keganasan orang Portugis. Diogo Lopes De Squiera misalnya diberitakan, sebelum pulang ke Goa selepas kunjungannya itu, sempat menyerang beberapa kapal pedagang di perairan Selat Melaka dan membunuh anak-anak kapal tersebut. Alfonso pula dikhabarkan, telah menyamun beberapa buah kapal di perairan yang sama sebelum tiba di Melaka. Tidak mustahil tindakan pemimpin-pemimpin Portugis ini sengaja dilakukan untuk mencipta reputasi yang menggerunkan tentang askar Portugis dalam kalangan orang Melayu.⁴⁴

Berbanding askar upahan dan askar dari tanah jajahan, askar dari orang tempatan merupakan tenaga manusia yang paling setia dan berkomitmen tinggi dalam peperangan. Merekalah yang paling bersungguh-sungguh dalam menghadapi serangan Portugis ini. De Barros mencatatkan,

The Muslims fought as men fighting for their wives, sons and property. Having more to lose than the foreigners living in the region, they gained a reputation as ferocious warriors. Wherever they were found in force, they were daring in attack and persistent in the ambushes.⁴⁵

⁴³ Alfonso Dalboquerque, *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque*, hlm. 129.

⁴⁴ Ibid., hlm. 129. Turut dicatatkan, Melaka juga ada menghantar utusan untuk meminta bantuan dari China, namun China mengambil sikap berkecuali. Sikap ini diambil dipercayai kerana keinginan China untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan Portugis.

⁴⁵ Jao De Barros, "On the Deeds and Discoveries and Conquests Made by the Portuguese in the Seas and Eastern Lands", hlm. 175.

Sayangnya, tenaga mereka ini tidak cukup ramai dan tidak cukup kuat untuk mempertahankan kota Melaka.

Sebagai sebuah kerajaan maritim dan mengukuhkan kerajaannya di pinggir laut, pastilah pengangkutan utama dalam siri peperangan di Melaka berkait rapat dengan pengangkutan air. Di Melaka, perahu dan lancara adalah antara medium pengangkutan utama dalam peperangan. Pengangkutan ini dibina lebih bermotifkan kelajuan (*speed*) daripada kapasiti muatan.⁴⁶ Namun, tidak seperti kapal-kapal perang barat, kapal perang Melaka tidaklah dimuatkan dengan begitu banyak meriam kerana kaedah perang Melayu yang lebih banyak bersandarkan taktik dan helah dalam melayari bahtera masing-masing. Tentera-tentera Melayu ini lazimnya memikul senjata seperti parang, lembing, tombak, busur dan panah, sumpit dan kerambit. Tidak banyak maklumat tentang jenis-jenis senjata yang diperihalkan di dalam *Sulalatus Salatin*. Namun, teks ini beberapa kali menyebut tentang penggunaan lembing dan panah yang meluas dalam perang-perang mereka. Semasa peperangan dengan angkatan Semerluki, tentera Melaka kelihatan baru didedahkan dengan penggunaan sumpit, seperti dicatatkan, "... orang Melaka banyak mati oleh sumpitnya, kerana orang Melaka belum lagi tahu akan tawar ipuh."⁴⁷ Namun gambaran tentang banyak dan hebatnya penggunaan senjata tetap boleh difahami dan dikenalpasti melalui frasa-frasa seperti, "... kilat senjata terlalu amat banyak", "...maka ditumpahinya oleh segala orang Melaka dengan senjata, seperti air turun dari atas bukit rupanya", "... rupa kilat senjata sabung-menyabung", "... rupa senjata seperti hujan" dan sebagainya.

⁴⁶ Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tome Pires*, hlm. 147.

⁴⁷ Cheah Boon Kheng, Abdul Rahman Haji Ismail, et. al, penyusun, *Sejarah Melayu, The Malay Annals*, hlm. 182.

Dalam pertarungan, tentera Melayu biasanya cenderung menggunakan teknik berlabuh dan bertempur kerana mereka sering bertarung secara *close battle* atau hadap-menghadap. Situasi pertempuran sebegini dapat dilihat melalui gambaran di dalam *Sulalatus Salatin* misalnya ketika tentera laut Melaka menentang Semerluki dinyatakan, mereka berperang 'berlanggar-langgaran'. Begitu juga ketika berperang di Pasai, secara jelas dinyatakan, 'berhadapan kedua pihak rakyat itu'.

Bagi pertempuran di darat, pemimpin perang Melaka dilihat banyak menggunakan 'gajah' sebagai pengangkutan perang mereka.⁴⁸ Menurut Pires, gajah sememangnya boleh ditemui dengan banyak di kawasan pedalaman tanah Melayu. Dakwaan ini diyakini benar malahan *Sulalatus Salatin* turut memerihalkan tentang adanya aktiviti menjerat gajah pada ketika itu. Disebut juga adanya pangkat seperti bomoh gajah, penjinak gajah dan panglima gajah membuktikan binatang itu hadir dalam jumlah yang besar di dalam kerajaan Melayu. Gajah boleh berfungsi sebagai pengangkutan pemimpin ketumbukan, mengangkut senjata malah ia sendiri berfungsi sebagai senjata tempur. Gajah juga menjadi simbol kuasa dan kekuasaan apabila ia ditunggang oleh Sultan atau pembesar-pembesar kanan kerajaan. Saiz yang besar ditambah dengan jumlah yang banyak sememangnya menjadi kelebihan untuk menimbulkan ketakutan pada pihak lawan. Contoh, seawal perang rampasan kuasa oleh Raja Kassim (Sultan Muzaffar Syah), baginda menyerbu istana Melaka menaiki gajahnya yang bernama *Juru Demang*. *Sulalatus Salatin* juga mencatatkan, Sultan Mansur Syah misalnya mengambil berat tentang usaha menjinak dan melatih gajah ini. *Sulalatus Salatin* mencatatkan,

Maka oleh Sultan Mansur Syah segala anak tuan-tuan semuanya disuruhkan baginda kepada Maharaja Sura berajar, karena adat Sultan Mansur Syah, apabila orang tahu pada gajah dan tahu mengenderai kuda

⁴⁸ Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tome Pires*, hlm. 147.

dan tahu bermain senjata, maka segala anak tuan-tuan yang berajar itu Sultan Mansur Syah semuanya memberi saranya.⁴⁹

Hampir setiap perang yang dilakarkan di dalam *Sulalatus Salatin* menyebut tentang hadirnya gajah sebagai salah satu alat peperangan. Di Pasai, gajah dan kuda diperihalkan digunakan bersama-sama di dalam pertempuran berhadapan itu. Begitu juga dalam peperangan dengan Haru, Kampar dan dengan Semerluki. Kepentingan baka gajah dan kuda yang baik dan kepentingannya untuk kejayaan perang seperti yang dicatatkan sebagaimana seolah-olah Bendahara berkata,

Maka kata Bendahara Paduka Raja ... Jikalau ada gajah yang baik, atau kuda yang baik, semua pinta kepada aku ... Karena akan Laksamana itu hulubalang besar, sebab itulah maka senjata yang baik itu kuberikan kepadanya apabila musuh raja datang, supaya ialah kita adu berperang...⁵⁰

Sultan Mansur Syah pula sanggup menitahkan Laksamana untuk menangkap gajah milik Raja Pahang, Sultan Abdul Jamal yang bernama *Biman Cengkobat*. Sultan Abdul Jamal yang murka angkara tunangnya Tun Teja diculik dan dibawa ke Melaka telah berkata akan menyerang Melaka dan membawa gajahnya itu melanggar balai rong istana Melaka hingga roboh. Begitulah besarnya pengaruh dan peranan gajah dalam perang di Melaka.⁵¹

Selain daripada isu-isu di atas, suatu perkara yang tidak ada tentang kota Melaka yang dapat membantunya dalam perang adalah 'kota' atau tembok yang melindungi ibu kota Melayu itu. Tidak seperti kota-kota masyhur lain khususnya di Eropah, Melaka tidak dilindungi oleh kubu atau tembok batu yang dapat membantunya dari segi pertahanan (yang sebenarnya juga suatu ciri yang tidak popular pada

⁴⁹ Cheah Boon Kheng, Abdul Rahman Haji Ismail, et. al, penyusun, *Sejarah Melayu, The Malay Annals*, hlm. 173.

⁵⁰ Ibid., hlm. 198.

⁵¹ Lihat pula episod ini yang terakam di dalam edisi A. Samad Ahmad berlaku semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah. A. Samad Ahmad, penyelenggara, *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*, hlm. 231-133.

kerajaan Melayu yang lain). Menurut De Barros, "The Portuguese did not see much majesty in the buildings of stone and lime. There were no walls or towers of other fortifications."⁵² Sebenarnya, ciri pertahanan dan binaan begini, bukanlah suatu budaya dalam tamadun Melayu. Perang Melayu lebih menekankan unsur tenaga, pemikiran dan kemahiran manusia berbanding binaannya. Penggunaan senjata berbentuk ledakan seperti meriam dan senapang masih kurang justeru pertempuran manusia dalam bentuk berhadapan masih mendominasi dunia perang Melayu sebelum abad ke-16 tersebut. Namun, tidaklah bermaksud strategi dan teknologi persenjataan tentera Melaka itu jauh ketinggalan. Ini kerana telah ada kajian yang membuktikan bahawa tentera Melaka juga mempunyai strategi dan teknik pengeboman menggunakan perahu dan lancara yang diisi minyak juga bahan pembakar dalam serangan, juga telah menggunakan meriam.⁵³

Tentera Melaka mungkin hanya tidak mempunyai pengalaman perang dengan kuasa barat lain sebelum ini. Malahan kuasa asing (bukan Melayu) yang pernah dihadapi oleh mereka hanyalah Siam, itupun berjaya mereka tewaskan. Tiada situasi atau pengalaman askar Melaka menghadapi serangan dari kuasa penakluk yang bersifat seperti Portugis. Keamanan yang dikecapi menyebabkan Melaka tiada sebab kukuh untuk mendirikan kubu/tembok besar di kota mereka selama ini. Sifat semulajadi dan geografi alam Melayu turut tidak membudayakan binaan seumpama ini. De Barros memetik catatan Alfonso yang menyebut,

There was no stone in Malacca with which to build a forress, as the land was marshy. If God gave him the town, he had to fortify it with wood obtained from the jungle.⁵⁴

⁵² Jao De Baros, "On the Deeds and Discoveries and Conquests Made by the Portuguese in the Seas and Eastern Lands", hlm. 149.

⁵³ Yahaya Abu Bakar, "Detik-Detik Melaka Mempertahankan Maruahnya" atau "Memartabatkan dan Mempertahankan Hak Serta Maruah Melaka 1511 Masehi", Muhammad Yusoff Hashim (editor), *Kisah Melaka 1511*, Melaka: IKSEP, 2006, hlm. 43-45.

⁵⁴ Ibid., hlm. 173.

Seperkara lain yang boleh dilihat, dalam perang-perang Melayu, biarpun bertujuan untuk menakluki sesebuah wilayah, biasanya pasukan tentera yang menyerang akan meninggalkan tanah tersebut sekalipun telah menang dengan hanya meninggalkan wakil pemerintah sahaja. Oleh kerana itu, Alfonso mencatatkan Sultan Mahmud dan kaum kerabatnya mengambil masa sehingga sepuluh hari bertahan di kota kerana mereka percaya Portugis akan meninggalkan Melaka setelah habis perang dan selesai mengaut semua hasil kekayaan Melaka. Mereka tidak menyangka bahawa askar-askar Portugis itu akan kekal menakluk dan menetap di kota itu.⁵⁵

Isu lain yang tidak kurang pentingnya dalam perang adalah unsur pembelotan dan juga perisikan. Walaupun kononnya datang dengan tujuan untuk berdagang namun niat Portugis yang sebenar untuk menguasai pelabuhan Melaka sejak dari awal adalah jelas. Pedagang-pedagang di pelabuhan telah menyedari situasi ini seperti catatan Pires,

First the Gujaratees went to the said King Mafamut with a great present, and also the Parsees and many of the Kings report to the said King together, that the Portuguese had reached the port and consequently were bound to come there everytime and that, besides robbing by sea and by land they were spying in order to come back and capture it, just as all India was already in the power of the Portuguese.⁵⁶

Sememangnya misi pertama Squeira telah gagal. Pasukannya telah diserang dan ditawan. Squeira bagaimanapun berjaya melepaskan diri dan kembali ke India. Namun mereka yang terlepas ini telah pun memberi amaran kepada Melaka bahawa mereka akan kembali membebaskan rakan-rakan mereka yang ditawan. Selepas itu, lapan orang lagi tahanan Portugis termasuk Joao Vegas berjaya melepaskan diri dan lari ke Pedir dan kemudian diselamatkan oleh Alfonso. Seperkara, Rui De Aroujo, salah seorang daripada dua puluh orang tahanan Portugis di Melaka itu berjaya menyeludup

⁵⁵ Alfonso Dalboquerque, *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque*, hlm. 129.

⁵⁶ Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tome Pires*, hlm. 255.

sepucuk surat bertarikh 6 Februari 1510 yang ditulisnya kepada Alfonso di Goa, India. Surat tersebut mendedahkan maklumat-maklumat mengenai pertahanan Melaka, termasuk cara-cara untuk menawanannya.⁵⁷

Portugis sememangnya bernasib baik kerana mereka dibantu oleh individu yang belot terhadap kerajaan Melaka dan membekalkan maklumat tentang situasi kota juga pertahanan di Melaka. Antaranya adalah salah seorang saudagar di Melaka, Ninachatu. Beliaulah yang menyampaikan maklumat-maklumat penting tentang Melaka melalui surat atau mesej yang dikirim kepada Alfonso di Goa. Pedagang-pedagang Cina juga dilaporkan berperanan membantu tentera Portugis dalam serangan mereka. Pedagang Cina turut membekalkan maklumat tentang pertahanan Melaka.⁵⁸

Penutup

Penelitian terhadap *Sulalatus Salatin* di dalam mana-mana edisipun menunjukkan episod perang menjadi antara tema utama pengarangannya. Episod ini menjadi antara inti utama yang mendirikan jalan cerita dan menggerakkan perkembangan kesultanan Melayu itu sendiri. Terdapat banyak perkara yang boleh dan dikupas berhubung perang pada era Kesultanan Melayu Melaka ini. Misalnya bagaimanakah fungsi atau peranan sebenar rakyat dalam perang-perang tersebut. Adakah mereka berkhidmat secara rela, paksa atau bergaji. Adalah sukar untuk kita mendapat maklumat yang sebenar dan mendalam tentang perkara ini sedangkan secara sedar adalah diyakini, rakyatlah tenaga manusia utama dalam setiap peperangan.

⁵⁷ Yahaya Abu Bakar, "Mentelusuri Hubungan Awal Portugal-Melaka", *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2008, hlm. 148-149.

⁵⁸ Alfonso Dalboquerque, *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque*, hlm. 99.

Seperkara lagi, perlu dipernyatakan dan diperjelaskan dengan kajian yang mendalam, bagaimana unsur agama memainkan peranan dalam mencetuskan perang-perang di Melaka itu. Wujud beberapa pendapat yang mengaitkan 'jihad' dengan perang berhadapan Portugis terutama apabila Portugis membawa bersama agamanya dalam usaha menawan Melaka. Perkara tersebut benar dan tidak boleh dinafikan. Namun unsur ini tidak dinyatakan di dalam *Sulalatus Salatin*. Bagi perang-perang yang lain pula, kelihatannya faktor politiklah yang menyerlah sedangkan tidak dinafikan, dorongan ekonomi turut memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan dan pengekal pelabuhan Melaka sebagai entreport utama di Selat Melaka waktu itu.

Seperti yang dikatakan, kajian tentang perang Melayu dan signifikannya dalam perkembangan sejarah masyarakat Melayu sangatlah penting. Namun begitu, pengkajian aspek ini khususnya merujuk kepada tahun-tahun abad ke-15 dan sebelumnya amatlah sukar. Keterbatasan sumber dan kurang mendalamnya maklumat yang dicatatkan, membuat kajian menjadi terhad dan terbatas kepada isu-isu tertentu sahaja. Sebenarnya, menggunakan sumber Melayu atau tempatan sangatlah penting untuk memahami perang Melayu. Sumber ini ditulis oleh orang Melayu sendiri dari kaca mata, pengalaman dan pemikiran mereka. Namun, maklumat sumber tempatan berhubung kesultanan Melaka dan penglibatan kerajaan ini dalam perang hanya dapat diperolehi dari naskhah *Sulalatus Salatin*. Justeru, apa yang terkandung di dalam naskhah ini sahajalah yang dapat diharapkan dalam memahami perang Melayu abad tersebut. Jika boleh dibuat perbandingan pun, hanyalah dari sumber Portugis, itupun yang lahir terkemudian atau selepas kota itu ditawan.

Apa yang pasti, *Sulalatus Salatin* telah membekalkan pelbagai maklumat perihal perang Melayu. Walaupun maklumat fizikal dan data yang terperinci tidak dapat

diperolehi selengkapnya melalui karya ini namun, karya ini telah memberikan satu sudut pandangan penulis tempatan terhadap penilaian mereka melalui perang. Budaya politik, pemikiran dan kecenderungan pujangga Melayu terserlah sekiranya aspek perang itu diteliti melalui catatan tersurat dan tersiratnya.